

14 AUG 1997

#### RINGGIT PEROLEHI KEKUATAN KERANA CADANGAN CUKAI

Oleh: Yati Yassin dan Minggu Simon Lhasa

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Ringgit memperoleh kekukuhan berbanding dolar hari ini kerana pengambilan untung berikutan cadangan untuk mencukai spekulator matawang untuk melindungi unit tempatan itu daripada serangan akan datang, kata para peniaga.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semalam, kerajaan sedang mengkaji pendapat yang dicadangkan oleh negara-negara Eropah yang menghadapi masalah yang serupa.

Mengenakan cukai ke atas spekulator matawang, beliau telah berkata, adalah antara langkah jangka panjang yang sedang ditimbang oleh kerajaan untuk melindungi ringgit.

Pada pukul 5.00 petang, ringgit naik kepada 2.7630/80 daripada 2.7860/10 semalam.

Ketua Bahagian Perbendaharaan Bank Bumiputra Malaysia Bhd, Tajuddin Atan berkata hari ini, ringgit, yang telah bergerak sejajar dengan sentimen dolar AS, dijangka diniagakan di antara 2.75 dan 2.80 dalam jangka pendek.

"Kita telah melihat ringgit menjadi lemah pada 2.7930 pada satu ketika sebelum pasaran mengambil untung. Pada ketika itu, kami percaya bahawa 2.7960 hingga 2.80 akan membentuk paras teratas tiga angka," tambahnya.

Jika itulah kedudukannya, tambahnya ringgit dijangka mengatasi 2.80.

Bagaimanapun, jika paras itu dilepasi, ringgit mungkin menguji paras lebih tinggi pada 2.85, katanya.

(Teratas tigakali ganda bermakna bahawa selepas kenaikannya, ia akan menurun. Dalam hal dolar AS/ringgit, dolar dianggap turun, dengan itu ringgit meningkatn lebih tinggi.)

Seorang peniaga tukaran wang asing bersetuju bahawa paras 2.75 - 2.80 adalah penting bagi ringgit, sambil berkata bahawa pasaran kini lengang kerana para peniaga berhati-hati sungguhpun sentimen pasaran masih bersifat spekulatif.

Katanya spekulator tukaran wang asing juga bersikap berhati-hati setelah cadangan cukai itu, memilih untuk menunggu langkah berikutnya Bank Negara atau kenyataan seterusnya daripada perdana menteri dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagaimanapun, menjelang petang, tiada campur tangan Bank Negara, manakala khabar angin bahawa bank pusat akan mengurangkan keperluan rizab berkanun (SRR) sebanyak satu peratus dilembapkan oleh penafian daripada seorang pegawai.

Peniaga itu berkata bahawa ringgit akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk keluar daripada keadaan sekarang jika Bank Negara tidak campur tangan dengan cergas di pasaran tukaran wang asing, mengurangkan kadar faedah, membiarkan pasaran saham bergerak secara sendirian dan tidak bergantung kepada sokongan daripada dana-dana kawalan kerajaan.

Sambil meletakkan nasib ringgit ke dalam tangan kuasa-kuasa pasaran bagi tiga hari berturut-turut minggu ini, Bank Negara telah memberi pinjaman dengan cergas melalui agen-agensya di pasaran wang untuk menurunkan kadar antara bank.

"Seorang peniaga pasaran wang berkata Bank Negara tiada pilihan, ia sama ada perlu membantu pasaran wang yang mengalami kekurangan mudah tunai atau pasaran matawang.

Ia memilih pasaran wang, di mana ia mempunyai peluang lebih baik", tambahnya. -- BERNAMA

YY/MSL OS/sia